

PENILAIAN DALAM PENDIDIKAN

Penulis: Vincent Pang dan Denis Lajium. 2008
Penerbit: Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.
ISBN: 978-983-2369-81-3

Mohd Yusof bin Abdullah

Buku ini telah dihasilkan oleh dua orang penulis, iaitu Vincent Pang, seorang profesor bidang penilaian dalam pendidikan bersama Denis Lajium, seorang pensyarah, dan kedua-duanya merupakan kakitangan akademik di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah. Secara umum, fokus buku ini adalah terhadap konsep asas penilaian dalam pendidikan yang perlu diketahui dan dikuasai bakal-bakal guru dari institut pengajian tinggi awam dan swasta yang memilih pengkhususan dalam bidang perguruan. Bahan-bahan yang disediakan dipersembahkan secara mudah difahami bakal-bakal guru dan pembaca. Namun begitu, tidak dapat dinafikan, buku ini juga boleh membantu kakitangan akademik yang giat mendalami konsep penilaian dalam pendidikan, khususnya bagi melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

Buku terbitan 2008 hasil kedua-dua penulis ini telah berusaha mengupas dan menjelaskan dengan begitu terperinci berkaitan konsep penilaian dalam pendidikan yang perlu difahami semua individu yang bergelar insan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran masing-masing. Tidak dapat dinafikan lagi, penilaian dalam pendidikan dianggap sebagai aspek terpenting dan merupakan mekanisme tersusun bagi menjamin kualiti pendidikan yang mampu menepati hasil pembelajaran yang ingin dicapai oleh guru-guru. Buku ini meliputi 14 bab kesemuanya, tersusun secara berstruktur dalam tiga fasa penyampaian bagi memudahkan bakal-bakal guru dan pembaca memahami dan menguasai kandungan yang ingin disampaikan.

Fasa pertama melibatkan bab 1 dan bab 2, memberikan fokus kepada Pengenalan dan Penilaian Program Pendidikan. Dalam bab 1, tumpuan diberikan kepada penjelasan konsep-konsep asas berkaitan pengukuran, pengujian, penaksiran, penilaian di samping jenis-jenis penilaian dalam pendidikan. Aspek ini seharusnya diketahui dan difahami insan guru semasa melaksanakan penilaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik-bilik darjah. Manakala, bab 2 tertumpu kepada maksud, tujuan dan dimensi penilaian program. Bab ini turut tidak mengabaikan penjelasan tentang perbezaan maksud penilaian dan penyelidikan.

Fasa kedua melibatkan bab 3 hingga bab 11, memberikan fokus kepada Objektif Pengajaran, Prinsip Asas Pengujian, Merancang Pengujian, Pembinaan Item Ujian, Pentadbiran Ujian, Kaedah Pemarkahan, Statistik Asas, Interpretasi Skor Ujian dan Analisis Item. Secara spesifik, bab 3 telah berjaya menjelaskan maksud dan kriteria objektif pengajaran dan hasil pembelajaran. Sesuatu yang menarik perhatian adalah keupayaan penulis menjelaskan dengan baik tentang hubungan objektif pengajaran dan penilaian serta taksonomi dalam objektif pengajaran. Umum semua maklum, bahawa bakal-bakal guru perlu menguasai taksonomi dalam objektif pengajaran yang meliputi domain kognitif, afektif dan psikomotor. Penjelasan yang lanjut telah disampaikan berdasarkan Bloom (1956) dan Krathwohl (2002) bagi memudahkan kefahaman bakal-bakal guru dan pembaca berkaitan taksonomi objektif kognitif. Keenam-enam aras dalam domain kognitif ini perlu dikuasai dan penjelasan dalam buku ini mampu membantu bakal-bakal guru dan pembaca meningkatkan penguasaan tersebut. Bab 3 dilengkapi juga dengan huraian dan penjelasan tentang taksonomi SOLO (*Structure of the Observed Learning Outcomes*) oleh Biggs dan Collis (1989), di samping penghuraian lanjut tentang aspek taksonomi objektif afektif berdasarkan Bloom, Krathwohl dan Masia (1964) yang meliputi lima aras dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Malah dalam bab ini, penjelasan tentang taksonomi objektif psikomotor berdasarkan Simpson (1972) turut dibentangkan bagi membantu bakal-bakal guru dan pembaca meningkatkan kefahaman tentang kepentingan penguasaan domain psikomotor dalam kalangan murid semasa mengikut proses pembelajaran di bilik darjah. Fasa kedua ini terus dilengkapi dengan huraian dan penjelasan tentang prinsip asas pengujian dalam bab 4 yang menitikberatkan huraian tentang kesahan, kebolehpercayaan, keobjektifan, kebolehtadbiran dan kemudahtafsiran. Seterusnya, penjelasan tentang kepentingan merancang pengujian, tujuan ujian dan keperluan menentukan jadual spesifikasi ujian (JSU) bagi setiap penilaian yang ingin dilaksanakan oleh guru diuraikan dalam bab 5. Kaedah membina item atau soalan penilaian diuraikan dalam bab 6 yang menjelaskan maksud ujian objektif dan subjektif. Di samping itu, huraian lanjut turut disediakan bagi menjelaskan kaedah pentadbiran ujian dan kaedah memberi markah yang mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi kepada bakal-bakal guru dan pembaca disediakan dalam bab 7 dan bab 8. Fasa kedua ini diperkayakan lagi dengan huraian berkaitan kepentingan memahami maksud Statistik Asas yang terdapat dalam bab 9. Dalam bab 10, bakal-bakal guru dan pembaca didedahkan dengan prinsip-prinsip meningkatkan kebolehpupayaan melakukan Interpretasi Skor Ujian yang tepat berdasarkan rujukan kriteria dan norma. Malah penilaian yang dilakukan oleh bakal-bakal guru akan menjadi lebih tinggi tahap kesahan dan kebolehpercayaan, jika menepati syarat semasa membina item berdasarkan analisis item yang mampu melihat tahap indeks kesukaran dan indeks diskriminasi bagi setiap item. Aspek ini telah diuraikan dengan jelas dan panjang lebar dalam bab 11.

Fasa terakhir pula menjelaskan kepentingan bakal-bakal guru dan pembaca mendapatkan maklumat yang tepat melalui analisis data kualitatif, kerationalan penggunaan portfolio dan instrumen soal selidik sebagai mekanisme tersusun bagi mendapatkan maklumat tiada kepincangan. Aspek-aspek ini dihuraikan dengan jelas dalam bab 12, bab 13 dan bab 14. Kredit berganda perlu diberikan kepada usaha kedua-dua penulis kerana mewujudkan seksyen Semak Kendiri dalam setiap bab bagi mengesan tahap kefahaman bakal-bakal guru dan pembaca setelah selesai mentelaah bab-bab berkaitan. Secara keseluruhan, buku ini bukanlah sekadar buku semata-mata, malah boleh dijadikan pakej pembelajaran asas yang lengkap bagi mendalami ilmu penilaian dalam pendidikan, khususnya kepada bakal-bakal guru di institut pengajian tinggi sama ada awam atau swasta.